

29 NOV 97

AFMM-Tiba

MENTERI KEWANGAN ASEAN TIBA UNTUK MESYUARAT AFMM

KUALA LUMPUR, 29 Nov (Bernama) -- Para Menteri Kewangan dan pegawai kanan negara-negara Asean mula tiba di sini untuk menghadiri mesyuarat Menteri Kewangan Asean (AFMM) bermula Isnin ini untuk mencari jalan menangani masalah mata wang yang dihadapi negara-negara Asia Timur.

Mesyuarat dua hari itu adalah penting kerana ia menghimpunkan menteri-menteri kewangan negara-negara Asia Timur termasuk Jepun serta Amerika Syarikat yang akan meninjau tindak balas dasar untuk memulihkan kestabilan kewangan di rantau ini.

Mesyuarat peringkat menteri itu akan didahului oleh mesyuarat pegawai kanan dan mesyuarat gabenor dan timbalan gabenor bank pusat.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahu satu bentuk kawalan dilaksanakan bagi perdagangan mata wang berikutan serangan spekulatif dan manipulatif terhadap mata wang Asean Jun lalu, akan merasmikan mesyuarat itu Isnin ini.

Di samping mesyuarat khas Menteri Kewangan Asean, negara-negara Asean juga akan mengadakan perbincangan dengan Jepun, serta Australia, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Hong Kong dan China, atau dikenali juga mesyuarat "Asean Plus Six."

Kesemua negara-negara itu akan sama-sama mengadakan perbincangan dengan pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) Michel Camdessus yang dijangka menyampaikan kajian awal agensi itu mengenai kawalan ke atas perdagangan mata wang.

Hasil kajian terperinci itu yang meliputi pengajaran daripada krisis kewangan yang pada mulanya menjejaskan negara-negara Asean tetapi kemudian merebak ke Korea Selatan dan Jepun, akan disampaikan kepada lembaga pengarah IMF menjelang akhir Januari atau awal Februari.

Serangan spekulatif terhadap baht Thai pada Jun lalu, rupiah Indonesia, peso Filipina, dan ringgit, menyebabkan Thailand dan Indonesia mendapatkan bantuan IMF, manakala Korea Selatan yang ekonominya turut terjejas, juga mendapat bantuan kewangan agensi itu.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dijangka mempengerusikan beberapa sesi perbincangan, akan mengadakan beberapa mesyuarat dua hala dengan menteri-menteri kewangan Indonesia, Thailand, Myanmar serta setiausaha kewangan Filipina, esok.

Antara menteri kewangan Asean yang menghadiri mesyuarat itu ialah Mar'ie Mohammad dari Indonesia, Tarrin Nimmanahaeminda (Thailand), Brigadier Jeneral Win Tin (Myanmar), setiausaha kewangan Filipina Roberto F. De Ocampo, Bounlith Khennvong naib menteri kewangan Laos, Le Thi Bang Tam timbalan menteri kewangan Vietnam, timbalan menteri kewangan Brunei Datuk Hj Ahmad Wally Skinner dan Menteri Kewangan Singapura Dr Richard Hu.

Pengawai kewangan yang lain terdiri daripada timbalan setiausaha Perbendaharaan Australia Peter Costello, timbalan perdana menteri merangkap menteri kewangan Korea Selatan Chang Yuel Lim, setiausaha kewangan Hong Kong Donald Tsang, menteri kewangan Jepun Eisuke Sakakibara, naib menteri kewangan China Liu Jibin, timbalan setiausaha perbendaharaan AS Lawrence Summers dan naib presiden kanan Bank Dunia Joseph E. Stiglitz. -- BERNAMA

TEAM MA oba